

|  |  |
|--|--|
| <b>TAJUK &amp; KOD KURSUS</b>  | <b>Kursus Analisis Kuantitatif Bagi Penyelidikan Dalam Pendidikan &amp; Sains Sosial</b>   |
| <b>KATEGORI</b>  | <b>Kursus Pembangunan Profesional</b>  |
| <b>SINOPSIS</b>  |  |
| <p>Pengajaran dan pembelajaran (P&amp;P) berkesan memerlukan perancangan dan penilaian secara berterusan. Antara kaedah yang boleh digunakan bagi memantau serta menilai keberkesanan sesuatu proses P&amp;P ialah menerusi proses penilaian sendiri serta penyelidikan berterusan. Proses ini boleh dilakukan sendiri oleh seseorang pensyarah setiap kali selepas melalui satu proses P&amp;P. Walau bagaimanapun, bagi menilai dapatan yang diperolehi, satu kaedah analisis perlu digunakan dan kaedah analisis kuantitatif merupakan antara kaedah analisis yang utama. Kursus ini mendedahkan peserta kepada cara dan konsep dalam melaksanakan proses penilaian pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi proses merekabentuk borang penilaian, menganalisis data dan mentafsirkan hasil analisis yang diperolehi. Menerusi kursus ini, peserta akan dapat mengenalpasti elemen P&amp;P yang perlu diperbaiki di masa akan datang. Matlamat kursus ini amat bersesuaian dengan proses Jaminan Kualiti iaitu ke arah proses pembaikan P&amp;P yang berterusan.</p> |  |
| <b>HASIL PEMBELAJARAN</b>  | <b>KANDUNGAN KURSUS</b>  |
| <p>Diakhir kursus ini peserta berupaya:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempelajari kaedah merekabentuk item bagi menilai proses P&amp;P masing-masing.</li> <li>2. Mempelajari proses refleksi sendiri terhadap P&amp;P masing-masing.</li> <li>3. Menganalisis data daripada borang penilaian P&amp;P menggunakan perisian analisis data yang utama iaitu SPSS for Windows.</li> <li>4. Mentafsir hasil analisis data yang diperolehi dari proses penilaian P&amp;P.</li> <li>5. Mengenalpasti elemen P&amp;P yang perlu diperbaiki di masa akan datang bagi menghasilkan proses P&amp;P yang lebih baik.</li> </ol>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Merekabentuk item dalam soal selidik dan lain-lain instrumen kajian.</li> <li>2. Membina fail data berdasarkan instrumen kajian.</li> <li>3. Menguruskan data yang diperolehi daripada instrumen kajian</li> <li>4. Menganalisis data daripada instrumen kajian secara kuantitatif mengikut keperluan penyelidikan.</li> </ol> |
| <b>KAEDAH PEMBELAJARAN</b>   |  |
| Ceramah, Bengkel / Latihan Amali, Perbincangan.  |  |
| <b>PENCERAMAH /</b>  | 1. Prof. Dr. Mohd Salleh Abu (FP)  |

|                   |   |
|-------------------|---|
| FASILITATOR       | <ol style="list-style-type: none"><li>2. PM Mohammad bin Bilal Ali (FP)</li><li>3. PM Dr. Zaidatun Tasir (FP)</li><li>4. Dr. Halijah Ibrahim (FP)</li></ol> |
| KUMPULAN SASARAN  | Semua staf akademik yang mempunyai kemahiran asas menggunakan komputer dan berminat dengan penggunaan teknologi dalam P&P                                   |
| BILANGAN PESERTA  | 20 orang  |
| KEKERAPAN SETAHUN | 1 kali setahun  |
| TEMPOH / TARIKH   | 2 hari (11 - 12 Mei)  |